



TEKS UCAPAN

**YAB DATUK SERI PANGLIMA MUSA BIN HAJI AMAN
KETUA MENTERI SABAH**

SEMPENA

**PROGRAM SIJIL TADBIR URUS DESA JKKK ZON SABAH
DAN
PENYAMPAIAN ANUGERAH DESA PERDANA ZON SABAH &
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**DEWAN KLAGAN 1
HOTEL KLAGAN, 1BORNEO, KOTA KINABALU**

31 JULAI 2017 (ISNIN)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam NegaraKu Malaysia

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk bersama-sama JKKK yang sedang mengikuti program Sijil Tadbir Urus Desa INFRA-UniKL dan juga meraikan pemenang-pemenang Anugerah Desa Perdana Peringkat Negeri Bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah khusus kepada menterinya, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob kerana menjemput dan memberi peluang kepada saya untuk bersua muka dengan kepimpinan JKKK dan komuniti desa yang sentiasa setia menyokong Kerajaan.

2. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada 500 peserta program Sijil Tadbir Urus Desa yang telah terpilih untuk mengikuti program ini dari daerah Papar, Penampang, Tamparuli, Putatan, Tuaran, Kota Belud, Kota Kinabalu, Membakut dan Wilayah Persekutuan Labuan. Saya dimaklumkan ini adalah peringkat pertama untuk negeri Sabah dan akan dipanjangkan kepada daerah-daerah lain di masa akan datang. Syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah menerima jemputan dan menyahut cabaran untuk hadir di Hotel Klagan dan Hotel Likas Square bermula semalam bagi mengikuti program ini sehingga hari esok. Kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan untuk menghadirkan diri bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus dan mentadbir kampung amat saya kagumi. Saya yakin dengan penganugerahan sijil oleh UniKL ini akan menjadikan tuan-tuan dan puan-puan lebih bersemangat untuk menjadikan kampung masing-masing sebagai kampung terbaik di Sabah mahupun di Malaysia.

3. Tahniah juga diucapkan kepada enam (6) kampung yang telah berjaya melayakkan diri untuk bertanding di peringkat negeri mewakili negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam pertandingan Anugerah Desa Perdana 2017 yang dianjurkan oleh KKLW. Pemenang pada hari ini akan mewakili negeri Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan untuk bertanding di peringkat kebangsaan dan bersaing dengan wakil dari Zon Tengah, Utara, Timur dan Sarawak bagi mencari kampung terbaik tahun 2017.

4. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat khususnya KPLB Sabah, Pejabat Daerah serta

jabatan dan agensi berkaitan di peringkat negeri yang telah bekerjasama bagi menjayakan kedua-dua program ini. Tidak lupa saya ucapkan ribuan terima kasih kepada KKLW kerana secara berterusan melaksanakan usaha dan komited memastikan kampung-kampung terus maju mendepani cabaran dan arus kemodenan. Kita mahu supaya kampung-kampung ini mengekalkan keasliannya tetapi dilengkapi prasarana serta kemudahan berkualiti seperti mana di bandar bagi mencapai aspirasi KKLW 'membandarkan luar bandar'. Saya juga berharap agar kemenangan ini dapat dipertahankan dengan komitmen berterusan oleh kepimpinan dan seluruh anggota masyarakat atas semangat kepunyaan dan rasa sayang kepada kampung.

PROGRAM PEMERKASAAN JKKK

5. Kita sedia maklum bahawa institusi JKKK adalah entiti yang amat penting untuk menarik penglibatan rakyat dalam memajukan luar bandar. Sejak penubuhannya pada tahun 1962, peranan dan fungsi JKKK terus relevan sehingga ke hari ini sebagai mata dan telinga serta penghubung antara Kerajaan dengan rakyat sehingga ke akar umbi. Justeru, Kerajaan Negeri dan Persekutuan terus komited untuk memperkukuhkan institusi ini khususnya dalam aspek kepimpinan dan kecekapan tadbir urus kampung.

6. Selain program-program latihan yang diatur oleh KKLW melalui Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kerajaan Negeri melalui KPLB juga secara berterusan melaksanakan Kursus Induksi yang wajib dihadiri oleh JKKK dan Jawatankuasa Kemasyarakatan Dalam Bandar (JKDB) iaitu Kursus Pengurusan dan Pentadbiran JKKK dan JKDB. Semua JKKK dan JKDB yang dilantik, wajib mengikuti kursus ini untuk mempersiapkan mereka dengan pengetahuan berkaitan peranan, bidang tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

7. Modul yang dirangka meliputi 12 topik iaitu pengenalan kepada KPLB, panduan pentadbiran JKKK dan JKDB, pengurusan mesyuarat & infodesa, isu alam sekitar, kesihatan, pentadbiran daerah, integriti pemimpin masyarakat, peranan dan tanggungjawab Ketua Kampung, hak asasi Bumiputera, peranan dan tanggungjawab Jabatan Kebajikan, peranan JKKK & JKDB dalam konteks keselamatan kampung dan penyalahgunaan dadah & langkah pencegahannya.

8. Sudah tentu apabila KKLW menawarkan program Sijil Tadbir Urus Desa, ia memberi nilai tambah kepada program latihan sedia ada yang telah diikuti oleh JKKK. Di samping mendapat tambahan ilmu dan kemahiran dalam mengurus dan mentadbir kampung, program ini mempunyai nilai yang lebih tinggi kerana sijilnya dianugerahkan

oleh Universiti Kuala Lumpur (UniKL), sebuah universiti yang terkenal di negara kita. Oleh itu, ia adalah setara dengan program-program lain peringkat sijil yang ditawarkan oleh universiti dan institusi pengajian tinggi. Perkara yang membezakannya adalah tempoh pembelajaran yang lebih pendek kerana ia dilaksanakan melalui kaedah APEL (*Accreditation of Prior Experiential Learning*) iaitu mengambil kira kursus-kursus berkaitan yang telah diikuti oleh JKJK sebelumnya dan pengalaman kerja sebagai sebahagian modul yang telah diliputi.

9. Untuk itu, saya meminta semua JKJK yang belum berpeluang mengikuti program ini supaya hadir apabila dijemput oleh KKLW pada fasa kedua nanti. Kita berharap agar baki 2,300 JKJK dapat mengikuti program ini selewat-lewatnya pada tahun 2018. Dalam hal ini, saya minta KPLB Sabah untuk membantu bagi menjayakan misi ini supaya semua JKJK di negeri Sabah menghadiri kursus tersebut.

ANUGERAH DESA PERDANA

10. Berbekalkan ilmu dan kemahiran yang diperolehi daripada pelbagai program latihan yang disediakan oleh Kerajaan, kita berharap kepimpinan kampung dapat membawa kampung-kampung yang diterajui ke satu standard yang boleh dibanggakan. Saya percaya ia bukan perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Namun, ia boleh dicapai melalui kesungguhan dan semangat kerja berpasukan yang tinggi antara pemimpin dan anggota masyarakat yang dipimpin di samping sokongan pelbagai pihak lain termasuk agensi kerajaan dan swasta.

11. Program Anugerah Desa Perdana (ADP) anjuran KKLW merupakan satu usaha murni Kerajaan untuk menggerakkan masyarakat melalui pelbagai program dan aktiviti ke arah mencapai standard tersebut. Program yang dahulunya dikenali sebagai Anugerah Desa Cemerlang (ADC) dan Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (ADS1M) telah berjaya mengetengahkan banyak kampung-kampung di Sabah untuk menjadi contoh kampung berjaya. Antara yang berjaya di peringkat kebangsaan di bawah program ADC adalah Kampung Bayangan, Keningau yang menjadi Johan pada tahun 2004 manakala Kampung Telisai, Tungku, Lahad Datu berjaya sebagai Naib Johan peringkat kebangsaan pada pertandingan ADS1M tahun 2015. Saya berharap ada lagi kampung dari Sabah yang akan menang peringkat kebangsaan pada pertandingan ADP yang diperkenalkan mulai tahun ini.

KOMITMEN PEMBANGUNAN NEGERI SABAH

12. Kerajaan negeri Sabah akan terus komited untuk memberikan kerjasama penuh kepada Kerajaan Persekutuan dalam usaha memajukan kampung-kampung di negeri Sabah agar pembangunan seimbang antara bandar dan luar bandar dapat dicapai. Saya juga ingin menyeru kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sama ada ADUN, Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negara di Sabah agar melibatkan JKKK dalam setiap perancangan dan pelaksanaan pembangunan di luar bandar. Keterlibatan pemimpin akar umbi dapat membantu menyediakan perancangan pembangunan yang lebih teratur, terselaras serta memenuhi keperluan sebenar rakyat luar bandar.

13. Kawasan luar bandar Sabah mempunyai potensi yang luas untuk diterokai dan dibangunkan. Kerajaan Negeri akan melipatgandakan usaha untuk menerokai potensi besar sektor luar bandar kerana negeri Sabah mempunyai tanah yang luas dan subur serta berupaya mengeluarkan hasil yang berkualiti. Ini dapat dilihat melalui pencapaian dan sumbangan sektor pertanian terhadap pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Contohnya, komoditi sawit yang merupakan peyumbang kedua terbesar selepas petroleum mentah, mencatatkan nilai eksport minyak sawit berjumlah RM14.9 bilion pada 2015. Selain itu sektor pelancongan yang kini mengatasi pendapatan aktiviti pembalakan dengan jumlah pendapatan bernilai RM6.4 bilion pada tahun 2016 akan terus dimajukan. Kepelbagaian budaya 33 suku kaum dan etnik serta keindahan semula jadi Sabah yang hampir sempurna meliputi pantai, gunung, hutan dan hidupan liar menjadi daya tarikan utama untuk pelancong dari dalam dan luar negara berkunjung ke Sabah. Isu keselamatan bukan lagi penghalang kepada kemajuan ini dengan tertubuhnya ESSCOM dan ESSZONE.

14. Kami juga amat berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan terhadap usaha pembinaan Lebuhraya Pan Borneo sepanjang 706 kilometer tanpa tol bernilai RM12.86 bilion. Lebuhraya ini bakal menjadi pemangkin kepada kepesatan aktiviti ekonomi negeri Sabah sekali gus memberi manfaat yang besar kepada rakyat di luar bandar. Saya berharap rakyat di luar bandar dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang yang ada untuk memastikan luar bandar maju seiring arus kemajuan perdana ke arah mempersiapkan negara mencapai taraf negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

15. Kerajaan negeri Sabah juga bertekad untuk meneruskan agenda pembangunan dengan penekanan kepada penyediaan infrastruktur asas, pembasmian kemiskinan dan pembangunan serantau bagi memenuhi iltizam bajet 2017 bertemakan 'People At Heart, Prosperity For All' melalui sistem penyampaian yang lebih berkesan.

JKKK SEBAGAI EJEN TRANSFORMASI

16. Umum sedia maklum bahawa negeri Sabah mempunyai penduduk seramai 3.8 juta orang yang terdiri daripada 33 suku kaum dan etnik. Daripada jumlah itu, 1.6 juta orang atau 41.8% mendiami kawasan luar bandar. Walaupun dipisahkan oleh adat, budaya, agama dan keadaan geografi, rakyat negeri Sabah kekal hidup dalam keadaan harmoni sejak dahulu lagi. Sikap saling mempercayai dan hormat-menghormati antara satu sama lain telah sebatu dalam diri masing-masing untuk membentuk semangat 1Malaysia yang telah lama diamalkan di negeri ini.

17. Rakyat negeri Sabah juga terkenal dengan sifat setia dan taat kepada pemimpin juga sentiasa mengenang budi. Pemimpin yang prihatin dan berjiwa rakyat akan dihormati, tidak akan dikhianati dan terus disokong demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara. Oleh itu bagi saya, agenda pihak tidak bertanggungjawab menyebarkan fitnah dan menghasut rakyat mendesak Sabah dikeluarkan dari Malaysia serta kenyataan bahawa Sabah dipinggir dan dianiyai oleh Kerajaan persekutuan adalah dakyah palsu mereka yang terdesak untuk mendapatkan sokongan rakyat.

18. Saya yakin dan percaya, rakyat negeri Sabah amat matang untuk menilai antara fakta dan auta. Namun begitu, JKKK selaku ejen transformasi dan wakil Kerajaan perlu sentiasa bertindak memberi penerangan dan maklumat yang tepat kepada rakyat. Tugas ini antara keutamaan untuk memastikan rakyat tidak mudah terpengaruh dengan anasir jahat yang sentiasa berusaha memecahbelahkan rakyat dan menggugat kestabilan negara.

19. Saya juga berharap agar semua JKKK berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan untuk memperkukuhkan keupayaan dan kompetensi sebagai pemimpin dan pentadbir di peringkat paling asas. Perpaduan dan kerjasama antara JKKK juga perlu dipelihara dan ditingkatkan untuk menjayakan semua agenda pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan. Selain itu, perkara penting yang juga perlu diberi perhatian adalah usaha untuk sentiasa mendekati anggota masyarakat yang dipimpin bagi mewujudkan persefahaman dan keyakinan rakyat terhadap pemimpin. Kesepakatan yang dibentuk dapat memastikan semua perancangan dijayakan dengan sempurna dan menghasilkan impak untuk manfaat rakyat.

PENUTUP

20. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh kepimpinan kampung yang telah melaksanakan tugas dengan baik walaupun ada ketikanya terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kesukaran. Kerajaan amat menyanjung tinggi dan tidak akan melupakan usaha mulia dan jasa tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kepada kampung yang berjaya dalam pertandingan ADP peringkat negeri ini, saya ucapkan syabas dan tahniah dan kepada yang belum berjaya diharap agar platform ini menjadi pendorong untuk membuat yang terbaik sehingga mencapai kejayaan yang dihasratkan.

Sekian, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan program Sijil Tadbir Urus Desa INFRA-UniKL Zon Sabah Tahun 2017.**

Terima kasih.